

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 12

AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA (PENGESAHAN PINDAAN PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1969

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA KUMPULAN WANG
ANTARABANGSA (PENGESAHAN
PINDAAN PERKARA-PERKARA
PERJANJIAN) 1969**

Tarikh Perkenan Diraja 22 April 1969

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 1 Mei 1969

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1992

Cetakan Semula Yang Kedua 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
2006



UNDANG-UNDANG MALAYSIA




Akta 12

AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA (PENGESAHAN PINDAAN PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1969

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kebenaran bagi mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang dan menyertai Akaun Pengeluaran Khas
4. Pembayaran dan penerimaan berhubung dengan Akaun Pengeluaran Khas
5. Kuasa Kerajaan untuk memberikan hak dan kewajipan di bawah Akaun Pengeluaran Khas kepada Bank Negara Malaysia
6. Akta berhubung dengan Akta 472



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 12

AKTA KUMPULAN WANG ANTARABANGSA (PENGESAHAN PINDAAN PERKARA-PERKARA PERJANJIAN) 1969

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang Antarabangsa, menurut Ketetapan No. 23—5 yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Kumpulan Wang Antarabangsa, pada 31 Mei 1968, dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—2 Mei 1969*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Perkara-Perkara Perjanjian) 1969.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini—

“Akaun Pengeluaran Khas” ertinya akaun yang melaluinya Kumpulan Wang akan melakukan segala kegiatan dan urusan yang melibatkan Hak Pengeluaran Khas yang akan ditubuhkan di bawah Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda;

“Kumpulan Wang Antarabangsa” (kemudian daripada ini disebut “Kumpulan Wang”) ertinya Kumpulan Wang Antarabangsa yang Malaysia menjadi anggotanya menurut kuasa seksyen 3 Akta Perjanjian Bretton Woods 1957 [*Akta 472*]*;

“Perkara-Perkara Perjanjian” ertinya Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang tersebut.

Kebenaran bagi mengesahkan pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang dan menyertai Akaun Pengeluaran Khas

3. Yang di-Pertuan Agong boleh melalui surat cara yang ditandatangani olehnya memberi kuasa mana-mana orang yang dinamakannya dalam surat cara itu—

- (a) bagi mempersetujui bagi pihak Malaysia pindaan kepada Perkara-Perkara Perjanjian Kumpulan Wang yang dilampirkan kepada Laporan April 1968 oleh Pengarah Eksekutif Lembaga Pengelola Kumpulan Wang itu, bagi maksud—
- (i) menubuhkan suatu kemudahan baru berdasarkan kepada Hak Pengeluaran Khas dalam Kumpulan Wang itu; dan
 - (ii) menguatkuasakan perubahan tertentu dalam kaedah-kaedah dan amalan Kumpulan Wang itu; dan
- (b) bagi mendeposit bagi pihak Malaysia dengan Kumpulan Wang suatu surat cara yang menyatakan bahawa Kerajaan, mengikut undang-undang di Malaysia, menyanggupi segala kewajipan sesuatu peserta dalam Akaun Pengeluaran Khas yang ditubuhkan oleh Kumpulan Wang di bawah pindaan tersebut dan bahawa Kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkannya menjalankan segala kewajipan ini.

*CATATAN — Akta 472 pertama kali diperbuat sebagai Ordinan Perjanjian Bretton Woods 1957 [*Ord. No. 75 tahun 1957*] dan disemak sebagai Akta 472 m.b.p. 16 September 1991

*Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan
Pindaan Perkara-Perkara Perjanjian)*

7

**Pembayaran dan penerimaan berhubung dengan Akaun
Pengeluaran Khas**

4. (1) Jika Malaysia menjadi peserta dalam Akaun Pengeluaran Khas itu, semua subseksyen yang berikut hendaklah berkuat kuasa.

(2) Hak Pengeluaran Khas yang diuntukkan kepada Malaysia di bawah Perkara XXIV Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda dan hak yang diperoleh oleh Malaysia selainnya, hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan.

(3) Segala hasil yang terbit daripada penggunaan Hak Pengeluaran Khas oleh Malaysia, dan pembayaran bunga kepada Malaysia di bawah Perkara XXVI, XXX dan XXXI Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda, hendaklah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan.

(4) Pembayaran dengan mata wang oleh Malaysia sebagai balasan bagi Hak Pengeluaran Khas, dan pembayaran caj atau taksiran di bawah Perkara XXVI, XXX dan XXXI Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda, hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan.

**Kuasa Kerajaan untuk memberikan hak dan kewajipan di
bawah Akaun Pengeluaran Khas kepada Bank Negara
Malaysia**

5. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, jika difikirkannya suai manfaat, dengan perintah memberi Bank Negara Malaysia kuasa untuk menjalankan haknya dan menunaikan kewajipannya, iaitu hak dan kewajipan yang terbit daripada suatu surat cara yang didepositkan dengan Kumpulan Wang di bawah perenggan 3(b).

(2) Apabila suatu perintah dibuat di bawah subseksyen (1)—

(a) hak dan kewajipan yang tersebut itu hendaklah, walau apa pun peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*]*, disifatkan sebagai hak dan kewajipan Bank Negara Malaysia dan seksyen 4 hendaklah

*CATATAN — Akta 519 pertama kali diperbuat sebagai Ordinan Bank Pusat Malaysia 1958 [*Ord. No. 61 tahun 1958*] dan disemak sebagai Akta 519 m.b.p. 18 Mei 1994

terhenti terpakai bagi Kumpulan Wang Yang Disatukan Persekutuan; dan

- (b) tanpa menjejaskan mana-mana kuasa lain Bank Negara Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa yang berikut, iaitu:
- (i) menerima bagi akaunnya sendiri, Hak Pengeluaran Khas yang diuntukkan kepada Malaysia di bawah Perkara XV Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda dan hak yang diperoleh oleh Malaysia selainnya;
 - (ii) memasukkan Hak Pengeluaran Khas ke dalam rizab aset luar negaranya yang akan dipegang mengikut seksyen 28 Akta Bank Negara Malaysia 1958;
 - (iii) menerima bagi akaunnya sendiri, segala hasil yang terbit daripada penggunaan Hak Pengeluaran Khas oleh Malaysia dan pembayaran bunga kepada Malaysia di bawah Perkara XX, XXIV dan XXV Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda; dan
 - (iv) membuat pembayaran dengan mata wang sebagai balasan bagi Hak Pengeluaran Khas dan pembayaran caj-caj atau taksiran di bawah Perkara XX, XXIV dan XXV Perkara-Perkara Perjanjian sebagaimana yang dipinda.

Akta berhubung dengan Akta 472

6. Akta Perjanjian Bretton Woods 1957 hendaklah dibaca tertakluk kepada Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 12

**AKTA KUMPULAN WANG
ANTARABANGSA (PENGESEHAN
PINDAAN PERKARA-PERKARA
PERJANJIAN) 1969**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 184	Akta Kumpulan Wang Antarabangsa (Pengesahan Pindaan Kedua kepada Perkara-Perkara Perjanjian) 1977	10-06-1977

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 12

**AKTA KUMPULAN WANG
ANTARABANGSA (PENGESAHAN
PINDAAN PERKARA-PERKARA
PERJANJIAN) 1969**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
5	Akta 184	10-06-1977
